

SOALAN NO: 35**PARLIMEN MALAYSIA**
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]****TARIKH : 26 Oktober 2017****SOALAN : Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan stok penimbal sejak tahun 2014 iaitu sebanyak 31,000 metrik tan (MT) bagi 17 barangan makanan import, RM8 juta bagi FAMA dan RM12 juta bagi NEKMAT yang bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program Stok Penimbal yang dilaksanakan sejak tahun 2014 merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu menangani kos sara hidup rakyat. Objektif pelaksanaannya adalah bagi membekalkan komoditi segar terpilih dan ikan kepada pasaran dengan harga yang kompetatif bagi memenuhi keperluan pengguna disamping menstabilkan harga.

Melalui program ini, FAMA telah dibenarkan mengimport 9 komoditi segar terpilih seperti kobis, cili merah, tomato, bawang besar, bawang ros, kelapa, lobak merah, halia dan kentang. Sehingga bulan September 2017, FAMA telah memasarkan sebanyak 43,140 metrik tan komoditi tersebut dengan nilai RM50.77 juta menerusi 40 pusat operasi FAMA di seluruh negara.

Melalui peruntukan stok penimbal juga, LKIM telah menyediakan sebanyak 19 buah bilik sejuk berkapasiti 1,823 metrik tan. Sehingga kini, sebanyak 800 metrik tan ikan telah disimpan dalam satu-satu masa untuk digunakan ketika

bekalan berkurangan di pasaran terutamanya pada musim tengkujuh dan perayaan.

Pelaksanaan program ini telah berjaya mengurangkan sebanyak 5 hingga 20 peratus harga komoditi segar terpilih dan ikan daripada harga di pasaran. Ia juga berkesan memendekkan rantian pemasaran bagi mengurangkan kos operasi yang terlibat.